

10/02/1998

Masa untuk buktikan tanggungjawab

PENUBUHAN badan khas mengumpul sumbangan rakyat untuk meningkatkan simpanan negara yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, lebih menjurus kepada matlamat mengajak rakyat bersama menanam sifat bertanggungjawab. Walaupun nama badan itu belum diputuskan, kita percaya tidak ada unsur paksaan dikenakan. Setiap rakyat yang ingin memberi sumbangan dalam apa bentuk sekalipun, boleh berbuat demikian dengan ikhlas. Jika ada barang yang boleh didermakan, rasanya badan khas yang akan ditubuhkan itu, akan menerimanya dengan senang hati. Sebaliknya, jika tidak ada barang yang dianggap bernilai, mereka tidak perlu bersusah-payah dan berkecil hati. Tidak ada hadiah kepada penderma kerana ia lebih kepada usaha memupuk kebanggaan diri untuk berjasa kepada negara.

Cuma, kita tidak mahu ada pihak yang membuat tafsiran badan itu ditubuhkan disebabkan kerajaan kian terdesak. Jika kerajaan terdesak, rasanya sudah lama kita meminjam dari Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Sebagaimana kita tahu, tawaran untuk kita mendapat bantuan daripada IMF dibuka pada bila-bila masa. Tetapi, memandangkan kesan yang akan dihadapi negara dan rakyat, kerajaan tidak terpengaruh dengan bantuan itu. Kita lebih yakin kepada usaha yang dilakukan sendiri oleh rakyat. Tambahan pula, kita percaya cadangan penubuhan badan itu datangnya daripada rakyat yang tidak mahu ketinggalan untuk menunjukkan kesetiaan kepada negara. Sebelum ini kita sudah pun mendengar rakyat menyuarakan pandangan mereka untuk sama-sama membantu kerajaan menangani masalah ini. Di negara yang menghadapi masalah yang sama, contohnya, Korea Selatan dan Indonesia, rakyat mereka turut membantu kerajaan menyelesaikan masalah ekonomi melalui sumbangan yang mereka berikan. Bezanya, mereka berbuat demikian kerana simpati dengan kerajaan mereka yang terpaksa berhutang dengan IMF. Kita pula memberi sumbangan bagi mengelakkan kerajaan mendapatkan pinjaman yang sama. Sebelum kerajaan benar-benar terdesak, adalah lebih baik kita cuba membantu sedaya yang terdaya. Dengan keyakinan rakyat negara ini mempunyai sikap tanggungjawab yang tinggi, kita percaya badan khas itu akan menjadi saluran untuk sumbangan rakyat yang berkesan. Semalam juga Tabung Setia Negara yang dilancarkan Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, untuk mengutip derma daripada kakitangan kementerian dan orang ramai untuk membantu kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi. Kita yakin selepas ini lebih banyak kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan swasta akan melancarkan tabung yang sama. Bantuan yang dikumpul itu akan disalurkan kepada badan khas berkenaan. Jika banyak saluran yang ditubuhkan, urusan menerima sumbangan akan lebih berkesan. Cuma, kita berharap kerajaan mengesan jika ada tabung yang ditubuhkan tanpa pengetahuan badan khas yang akan ditubuhkan itu. Kita bimbang, dalam usaha membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi, ada pihak yang mengambil kesempatan.

Pada kita bentuk sumbangan yang boleh disalurkan kepada badan itu kita anggap paling mudah. Ia boleh dilakukan setiap individu rakyat negara ini. Orang miskin juga boleh memberi sumbangan. Jika kita tidak mempunyai wang, kita boleh menderma apa saja barangan yang tidak kita gunakan lagi. Ia mungkin dalam bentuk barang yang mempunyai nilai, tidak semestinya mahal. Rasanya, tidak perlu kita senaraikan semua barang yang boleh didermakan tetapi jika kita melihat di dalam rumah kita, pasti ada barang yang masih bernilai tetapi tidak diperlukan lagi. Maksudnya, barang itu jika dijual semula, masih mempunyai nilai pasaran. Kita berharap setiap rakyat

memikirkan bentuk sumbangan mereka. Jika mereka mempunyai banyak barang kemas dan ada antaranya tidak digunakan, mereka boleh mendermakan kepada badan itu. Begitu juga barang antik, perkakas elektrik yang masih elok dan sebagainya. Bagi mereka yang ada menyimpan wang negara asing yang sukar ditukarkan kerana nilainya tidak begitu besar, ia juga boleh disalurkan kepada badan khas itu.

Kita perlu akui rakyat negara ini sering menderma. Mereka bukan saja menderma kepada pertubuhan yang memerlukan seperti rumah anak yatim, kanak-kanak cacat, golongan miskin dan rakyat negara lain yang menderita akibat peperangan atau bencana alam. Tetapi, setiap sumbangan kita perlulah dikaitkan dengan masalah ekonomi. Jika kita mahu menderma pakaian lama, umpamanya, rasanya, badan ini akan menghadapi masalah penyimpanan. Seboleh mungkin, barang yang diderma itu boleh dijual semula dan kerajaan mendapat wang tunai daripadanya.

(END)